

Ticket to Victory

# Bahasa Melayu

Kertas 1



**TERBITAN:**

SEKTOR PEMBELAJARAN  
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK

---

**EDISI KEDUA**

# PRAKATA



KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK

Jabatan Pendidikan Negeri Perak dengan kerjasama panel penggubal, guru cemerlang dan jurulatih utama mata pelajaran telah menghasilkan modul Ticket to Victory yang disediakan berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Tingkatan 4 dan 5. Penghasilan modul ini adalah hasil sumbangan tenaga guru - guru berpengalaman negeri Perak. Modul ini mengandungi contoh soalan mengikut topik dan skema jawapan bagi 21 mata pelajaran teras dan elektif terpilih berdasarkan format baharu peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia mulai tahun 2022.

Modul Ticket to Victory disediakan dalam format “pdf” dan boleh digunakan semasa pengajaran dan pembelajaran (PdP) atau digunakan sebagai bahan latihan pengukuhan, pengayaan dan ulangkaji di rumah. Bahan ini juga boleh dijadikan panduan kepada guru-guru untuk membina soalan mengikut format SPM. Justeru itu, diharap modul Ticket to Victory dapat dimanfaatkan sebaik mungkin demi kecemerlangan SPM di negeri Perak bertepatan dengan slogan Jabatan Pendidikan Negeri Perak iaitu “We Deliver”.

Sektor Pembelajaran,  
Jabatan Pendidikan Negeri Perak  
Jalan Tawas Baru Utara,  
Tasek Damai,  
30010, Ipoh,  
Perak Darul Ridzuan  
Tel: 05-292 2745 / 05- 292 3603  
Faks : 05 – 292 3851  
2022



## PRAKATA PENGARAH PENDIDIKAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Setinggi-tinggi syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Modul Ticket To Victory ini berjaya dihasilkan untuk edisi kedua.

Modul ini dihasilkan oleh Sektor Pembelajaran, Jabatan Pendidikan Negeri Perak dengan kolaboratif panel penggubal, guru cemerlang dan jurulatih utama mata pelajaran yang berpengalaman. Modul ini mengandungi 21 mata pelajaran teras dan elektif terpilih merangkumi sukatan tingkatan 4 dan 5.

Pembinaan modul ini adalah seiring dengan perubahan format peperiksaan SPM bermula tahun 2021 berasaskan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Modul ini juga diharapkan dapat membantu guru-guru dan calon-calon SPM menjalankan latihan tubi berfokus agar mereka lebih bersedia untuk menghadapi peperiksaan SPM nanti.

Bagi pihak jabatan, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Sektor Pembelajaran JPN dan PPD serta guru-guru yang bergabung tenaga dan idea menghasilkan modul ini. Setinggi-tinggi penghargaan juga diucapkan kepada Yayasan Perak atas sumbangan dan sokongan yang berterusan dalam menjayakan pembinaan modul ini.

Akhir kata, semoga Allah SWT sentiasa memberkati usaha yang kita lakukan ini dan pendidikan di negeri Perak akan terus cemerlang.

Sekian. Terima kasih.

AZNAN BIN ALIAS, AMP

Pengarah Pendidikan Negeri Perak



## PRAKATA TIMBALAN PENGARAH PENDIDIKAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh kepada semua warga pendidik dan semua calon SPM negeri Perak.

Alhamdulillah, saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT dengan berkat izin dan limpah kurnia-Nya, Modul Ticket To Victory ini dapat direalisasikan untuk edisi kedua. Modul ini melibatkan 21 mata pelajaran teras dan elektif terpilih merangkumi sukatan tingkatan 4 dan 5.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua bidang di Sektor Pembelajaran, JPN Perak dan semua panel penggubal modul yang terdiri daripada guru cemerlang, jurulatih utama mata pelajaran dan guru berpengalaman yang telah bertungkus lumus mengorbankan masa, tenaga dan buah fikiran sehingga berjaya menghasilkan modul ini mengikut masa yang ditetapkan.

Penghasilan Modul Ticket To Victory ini adalah salah satu inisiatif Jabatan Pendidikan Perak untuk menyediakan sumber pembelajaran dan latihan kepada calon-calon SPM. Pemilihan item soalan adalah merangkumi pelbagai aras kesukaran bagi setiap mata pelajaran. Soalan - soalan telah disusun berdasarkan format terkini peperiksaan SPM seiring dengan Kurikulum Standard Sekolah Menengah.

Modul pembelajaran ini akan disebarluaskan kepada guru-guru melalui blog Anjung Ilmu Guru Perak. Saya amat yakin penggunaan modul ini dan juga komitmen semua yang terlibat akan memberikan impak yang besar kepada kecemerlangan murid di negeri Perak dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia nanti.

Sekian. Terima kasih.

PUAN HAJAH RAHIMAH BINTI MOHAMED, AMP

Timbalan Pengarah Pendidikan, Sektor Pembelajaran  
Jabatan Pendidikan Negeri Perak

## PANEL PEMURNIAN TTV EDISI 2



CHE NURFAIZATIE BINTI  
CHE AZIZ  
SMK RAJA PERMAISURI  
BAINUN



SURATI BINTI SUJUD  
SMK ANDERSON



FATIMAH HANAN BINTI  
ISHAK  
SMK KG. DATO' AHMAD SAID



YUGESVARAN A/L  
MARIMUTHU  
SMK PENGKALAN



HUSNANI BT A. HALIM  
SMK BERCHAM



NURUL ADILA BINTI MOHD  
SALEH  
SMK ST. MICHAEL

### PANEL PEMBIMBING

1. TUAN HAJI AZEMI B. MD ZUKI  
(KETUA PENOLONG PENGARAH KANAN BAHASA,  
SEKTOR PEMBELAJARAN JPN PERAK)
2. NURMAZURA BT MOHD YUNUS  
(PENOLONG PENGARAH BAHASA,  
SEKTOR PEMBELAJARAN JPN PERAK)
3. MISAH BINTI SULAIMAN (SISC+ PPDKIU)
4. PUTRI FARIDAH HANIZAH BINTI DAHALAN  
(SISC+ HIP)
5. KHAIRUL AZHAR BIN MOHD ZAHARI (SISC+ BAP)
6. ROSE NIZA BINTI SALLEH (SISC+ MANJUNG)
7. UMMAL SALMAH BINTI MSM SULTAN  
DULKARUNAIN (SISC+ MUALLIM)



MUHAMMAD SOFUAN  
BIN SAADON  
SMK SERI KELEDANG



NORAZLINA BINTI AB HADI  
SABK MAHAD AL  
UMMAH

**Sekalung penghargaan  
kepada panel penggubal  
Modul TTV Edisi 1**



ROHAYA BINTI ISMAIL  
SMK JATI



NOORIN BINTI MOHAMED  
HAIRIRI  
SMK SIMPANG PULAI

# Kandungan

Prakata Pengarah Pendidikan Negeri Perak

Prakata Timbalan Pengarah Sektor Pembelajaran, Jabatan Pendidikan Negeri Perak

Pasukan Panel Pemurnian

1 - 4	Modul Latihan Kertas 1 Set 1
5- 10	Modul Latihan Kertas 1 Set 2
11 - 14	Modul Latihan Kertas 1 Set 3
15 - 18	Modul Latihan Kertas 1 Set 4
10 - 33	Skema Jawapan Set 1 – Set 4



KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK

**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2022**

**BAHASA MELAYU**

**Kertas 1**

2 jam

**1103/1**

## **SET 1**

---

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi **dua** bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. *Jawapan hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan.*
3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*
4. **Buku jawapan** hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi 4 halaman bercetak.

**Bahagian A**  
[30 markah]  
Soalan ini mesti dijawab.

Grafik di bawah menunjukkan sebahagian daripada maklumat berkaitan kempen percutian di Malaysia.

Berdasarkan maklumat tersebut, tulis sebuah rencana tentang kebaikan-kebaikan melancong di Malaysia.

Panjang rencana anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.



*cuti-cuti*  
**in MALAYSIA**

**Pergilah Melancong!**

- bangunan bersejarah
- bangunan pencakar langit

Melancong di dalam negara:

- Mengenal Malaysia dengan lebih dekat
- Meningkatkan ekonomi negara



## Bahagian B

[70 markah]

*Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan.*

1. Pengetahuan tentang penjagaan kesihatan membolehkan seseorang individu menjaga kesihatan diri, keluarga, masyarakat dan persekitaran menerusi amalan gaya hidup sihat untuk mencapai kesejahteraan hidup serta jangka hayat panjang yang berkualiti. Penjagaan kesihatan yang terancang dapat meningkatkan potensi individu pada tahap kesihatan optimum.

Sumber: *myhealth.gov.my*

*Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.*

Petikan di atas menerangkan kepentingan penjagaan kesihatan diri demi kesejahteraan hidup.

Bincangkan.

2. Secara umumnya, kurikulum persekolahan kebangsaan mendukung hasrat mulia negara bagi menyediakan pendidikan bertaraf dunia kepada generasi muda pada masa ini dan akan datang. Pendidikan yang berkesan akan dapat membentuk murid yang berilmu dan mempunyai jati diri unggul menjelang Transformasi Nasional (TN2050). Bagi memastikan hasrat ini tercapai, murid-murid juga perlu mempraktikkan sikap-sikap yang positif dalam menuntut ilmu.

Sumber: *Dewan Masyarakat*  
*"Menuju Ke Arah Pendidikan Berkesan"*  
 Ogos 2017

Berdasarkan petikan yang diberi, terdapat usaha yang perlu dilakukan oleh murid untuk menguasai ilmu pengetahuan.

Beri komen anda.

3.

Industri animasi di Malaysia semakin berkembang sekali gus mampu mewujudkan peluang pekerjaan dan pelbagai impikasi positif kepada masyarakat dan negara. Majoriti penonton gemar akan kartun, jadi siri animasi dan filem animasi tempatan semakin menjadi pilihan. Kini, siri animasi televisyen atau filem cereka animasi bukan lagi siri yang diminati kanak-kanak sahaja malahan remaja, golongan dewasa dan warga emas juga tidak ketinggalan.

Sumber: Dipetik daripada temu bual *Dr Ahmad Rafi Muhamed Eshaq*  
(*Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik,*  
*Akademi Seni dan Warisan Kebangsaan*)

Perkembangan dunia animasi tempatan seperti Upin Ipin, Ejen Ali dan Boboiboy mendapat sambutan yang sangat menggalakkan dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Oleh itu, tayangannya telah memberi kesan yang besar kepada masyarakat.

Pada pendapat anda, selain kesan yang dinyatakan dalam petikan di atas, apakah kesan-kesan perkembangan industri animasi tempatan kepada masyarakat dan negara?

4.

"Jalinan silaturahim mereka sangatlah erat. Namun, hari ini tidak dapat dinafikan semangat kejiranan kian luntur, lebih-lebih lagi di kawasan bandar. Mungkin kerana kita sibuk dengan pekerjaan kita, keluar pada awal pagi dan pulang pada lewat malam, ada di antara kita tidak kenal jiran sebelah rumah," katanya.

Perdana Menteri berkata, hubungan antara jiran yang baik juga menjamin keharmonian di tempat tinggal. "Oleh itu, perbanyakkan interaksi sesama jiran tetangga. Sayang sekali, sekiranya kita tidak mengamalkan kehidupan berjiran dengan baik, kerana jiran kitalah orang terdekat yang boleh membantu kita di dalam kesusahan.

Sumber : Dipetik dan diubahsuai daripada ucapan  
Datuk Seri Najib Razak, Berita Harian,  
22 Januari 2016.

Petikan di atas menjelaskan sebahagian daripada kepentingan hidup berjiran. Pelbagai usaha perlu dilakukan agar semangat kejiranan ini terus subur dalam kalangan masyarakat majmuk di Malaysia.

Tuliskan sebuah syarahan yang bertajuk 'Langkah-langkah untuk Memupuk Semangat Kejiranan dalam Kalangan Masyarakat'.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK

**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2022**  
**BAHASA MELAYU**  
**Kertas 1**  
2 jam

**1103/1**

## **SET 2**

---

5. Kertas peperiksaan ini mengandungi **dua** bahagian : **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
6. Jawapan hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan.
7. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.
8. **Buku jawapan** hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi 4 halaman bercetak

## BAHAGIAN A [30 Markah]

Soalan ini **mesti** dijawab.

Grafik di bawah berkaitan dengan jenayah komersial. Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang jenayah komersial.

Panjangnya huraian anda hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan**.

Hari ini menggoreng tauhu,  
Tauhu digoreng bersama gelama,  
Marilah kita berganding bahu,  
Banteras jenayah tanggungjawab  
bersama.

## STATISTIK JENAYAH KOMERSIAL



- **9,215 kes** dilaporkan melibatkan kerugian sebanyak **RM717.2 juta** bagi tempoh **1 Jan - 28 April**
- **Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)** dilaksanakan bermula **18 Mac**

### JENAYAH TERTINGGI

Penipuan dalam talian	8,245 kes
Pecah amanah	428 kes
Pinjaman wang haram	292 kes
Jenayah siber	111 kes
Wang palsu	91 kes
Salah guna harta	18 kes

“ Dalam konteks jenayah komersial, trend penurunan ini agak baik namun angka jumlah keseluruhan kes yang dilaporkan masih besar. ”

**CP Dato' Sri Mohd Zakaria Ahmad**  
Pegawai Jabatan Siasatan Jenayah Komersial  
Bukit Aman

Sumber: Polis Diraja Malaysia



**1 Jan - 17 Mac**      **18 Mac - 28 April**  
**6,141 kes** ▼ **3,074 kes**  
Penurunan hampir 50%

### PENIPUAN DALAM TALIAN PENJUALAN PENUTUP HIDUNG & MULUT



Sejak 1 Jan  
**709 kes**  
**RM7.3 juta**  
kerugian



**18 Mac - 28 April**  
**510 kes**  
**Lebih RM5 juta**  
kerugian

Diterbitkan: 29/4/2020  
Infografik Bernama

**BAHAGIAN B**  
**[70 Markah]**

Bahagian ini mengandungi **empat** soalan. Jawab **satu** soalan.

Tulis sebuah karangan yang panjangnya **antara 350 hingga 500 patah perkataan**.

1. 

Pengaruh teknologi maklumat dan komunikasi yang kuat dalam kehidupan pada zaman milenium ini telah menyebabkan modus operandi para penjenayah siber juga semakin canggih. Kini, jenayah digital yang menggunakan telefon pintar sebagai saluran modus operandi semakin berleluasa. Sebagai buktinya, banyak kes penipuan yang didalangi oleh Macau Scam sering dilaporkan oleh pihak media massa. Mangsa bukan sahaja mengalami kerugian dari segi wang malah turut menjadi trauma. Jenayah siber merupakan jenayah yang berprofil tinggi dan wajar dibendung dari awal supaya orang ramai tidak terus menjadi mangsa. Pihak polis meminta orang ramai supaya tidak mudah percaya dengan setiap panggilan dan khidmat pesanan ringkas (SMS) yang diterima daripada individu yang tidak dikenali. Kata peribahasa Melayu beringat sebelum kena, berjimat sebelum habis.

Sumber: *Internet*.

Petikan di atas menyatakan bahawa kes jenayah siber yang semakin berleluasa di negara kita. Bincangkan usaha-usaha yang boleh kita lakukan untuk menangani jenayah siber.

2. Alam sekitar merupakan anugerah Tuhan yang tidak ternilai harganya bagi setiap insan. Alam sekitar perlu kita pelihara dengan sebaik-baiknya agar tidak dicemari atau dirosakkan oleh tangan-tangan manusia yang tidak bertanggungjawab. Namun, saban hari kita sering mendengar berita tentang pencemaran alam sekitar dilaporkan oleh pihak media massa arus perdana. Pencemaran Sungai Kim Kim, pembakaran sampah secara terbuka, dan pembalakan secara haram merupakan contoh pencemaran alam sekitar yang boleh mengundang pelbagai kesan negatif kepada manusia dan hidupan lain seperti haiwan dan tumbuh-tumbuhan. Pelbagai langkah yang proaktif perlu diambil bagi menangani masalah ini daripada menjadi semakin parah. Janganlah sudah terhantuk baru terngadah kerana sesal dahulu pendapatan sesal kemudian tidak berguna. Sesungguhnya, tanggungjawab untuk melestarikan alam sekitar adalah tanggungjawab bersama. Sepakat membawa berkat.

Sumber : *Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4.*

Petikan di atas menyatakan bahawa kepentingan alam sekitar dan contoh-contoh pencemaran yang sering dilakukan oleh manusia yang tidak bertanggungjawab.

Tulis sebuah rencana yang bertajuk "*Usaha-usaha Melestarikan Alam Sekitar*".

3. Pantun, gurindam, sajak dan seloka merupakan antara karya sastera yang semakin dilupakan oleh golongan muda pada era milenium ini. Hal ini terjadi demikian kerana golongan ini lebih suka akan hiburan yang moden. Bagi mereka karya sastera lama sudah tidak relevan dengan peredaran zaman. Jika ditelusuri sejarah penghasilan karya sastera dahulu kala, kita akan dapat melihat betapa kreatif dan berseninya masyarakat pada zaman dulu dalam mencipta dan menulis sesebuah karya sastera. Setiap karya sastera yang dihasilkan sarat dengan pengajaran dan nasihat untuk mendidik anak-anak. Oleh itu, kepentingan mempelajari dan memartabatkan karya sastera sememangnya tidak boleh dipandang sebelah mata. Karya sastera harus dipertahankan agar tidak hilang ditelan zaman. Sesungguhnya, karya sastera ialah nadi kehidupan bagi masyarakat yang berbudaya.

Sumber: *Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4.*

Berdasarkan petikan di atas, terdapat pelbagai keistimewaan karya sastera yang harus dipelajari dan dipertahankan oleh generasi muda.

Apakah langkah-langkah yang harus dilakukan oleh pelbagai pihak bagi memupuk minat golongan remaja terhadap karya sastera?

4. Bidang teknikal dan vokasional amat penting dalam memacu pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Kebanyakan negara maju seperti Jepun, Korea Selatan dan Jerman amat menitikberatkan bidang ini bagi melahirkan tenaga kerja mahir yang lebih berkualiti. Sehubungan dengan itu, pelbagai usaha telah dilakukan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi memupuk minat golongan pelajar dalam kedua-dua bidang tersebut. Salah satunya adalah dengan memperkasakan bidang TVET melalui penubuhan Kolej Vokasional, Sekolah Teknik, Kolej Komuniti, Kolej Kemahiran Tinggi Mara (KKTM) dan Giat Mara. Sememangnya tidak dapat kita nafikan lagi bahawa bidang vokasional dan teknikal amat penting dalam memastikan negara kita dapat bersaing dengan negara-negara maju yang lain.

Sumber: *Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4.*

Petikan di atas menyatakan kepentingan mempelajari bidang teknikal dan vokasional (TVET) oleh para pelajar.

Bincangkan.





KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK

**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2022**

**BAHASA MELAYU**

**Kertas 1**

2 jam

**1103/1**

## **SET 3**

---

9. *Kertas peperiksaan ini mengandungi **dua** bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
10. *Jawapan hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan.*
11. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*
12. **Buku jawapan** *hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi 4 halaman bercetak.

**BAHAGIAN A**  
**[ 30 Markah ]**  
*Soalan ini mesti dijawab*

Maklumat di bawah berkaitan dengan keracunan makanan.

Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang **keracunan makanan**. Panjang huraian anda hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan**.

**KERACUNAN MAKANAN**

<p>Statistik kes keracunan makanan di negara ini menunjukkan peningkatan dari semasa ke semasa berikutan beberapa faktor. Keracunan makanan boleh berlaku apabila seseorang terambil makanan tercemar. Antara kuman yang menyebabkan keracunan makanan ialah <i>salmonella</i>, <i>staphylococcus aureus</i> dan <i>vibro parahaemolyticus</i> yang disebar melalui bahan pencemar, vektor atau pembawa kuman. Kebiasaannya, makanan tercemar ketika proses pemilihan bahan mentah, penyediaan, pemprosesan, penyimpanan, penghidangan dan penghantaran.</p> <p style="text-align: right;">Dipetik dan diubah suai daripada  <i>'Keracunan Makanan'</i>          oleh <b>Muhammad Razis Ismail</b>          Harian Metro, 3 Februari 2020</p>	<p><b>PANTUN KERACUNAN MAKANAN</b></p> <p>Petik pegaga teruna perkasa,          Tumbuh merimbun di banir berangan,          Kebersihan dijaga setiap masa,          Gunakan sabun mencuci tangan.</p> <p>Di pohon rendang rehat si rusa,          Malang ditangkap anak Pak Mamat,          Juadah terhidang tutup sentiasa,          Lalat tak hinggap makanan selamat.</p> <p style="text-align: right;">Sumber : <i>Internet</i></p>
---	---

**3 PERCAYAKAN DERIA ANDA**  
**Langkah Kenali Makanan Rosak (Basi)**



**LIHAT**

Rupa makanan berlendir dan warna berlainan daripada biasa. Lihat tarikh luput dan bentuk tin seperti kemek.



**HIDU**

Makanan berbau kurang enak dan tidak menyenangkan seperti bau masam, basi atau busuk.



**RASA**

Makanan mempunyai rasa yang pelik, basi atau masam hingga tidak lagi boleh dimakan.

**JANGAN MAKAN** sekiranya berkeadaan seperti yang dinyatakan.

Sumber : Kementerian Kesihatan Malaysia

**Bahagian B**  
**[ 70 markah]**

*Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan*

Tulis sebuah karangan yang panjangnya **antara 350 hingga 500 patah perkataan.**

1.

Tatkala terasa ingin keluar daripada hiruk-pikuk kota, bayangkan suasana damai di pinggir hutan. Bayangkan juga kesegaran dan kenyamanan udara gunung serta deruan jeram yang menjadi terapi minda yang kepenatan. Impikan juga nyanyian cengkerik yang bersahut-sahutan menguliti tidur malam.

Sumber : *Buku Teks Tingkatan 4, 2019*

Berdasarkan petikan di atas, masyarakat Malaysia mengimpikan suatu percutian keluarga yang berkonsepkan pelestarian alam sekitar yang mendatangkan pelbagai manfaat. Jelaskan.

2.

Tema sambutan Hari Belia Negara 2020, 'Dekad Ini Dekad Anda', dilihat sangat signifikan dan cukup simbolik untuk menggambarkan peranan besar yang perlu dimainkan golongan belia dalam membangunkan rakyat dan negara. Jelas sekali, dekad orang muda dan negara juga meletakkan harapan yang tinggi kepada golongan ini. Justeru, bagi memikul tanggungjawab ini. Saya percaya golongan belia negara kita perlu memiliki beberapa ciri yang boleh membantu mereka memainkan peranan yang dihasratkan oleh semua pihak.

Sumber: *Metro* <https://www.hmetro.com.my/authors/noor-mohamad-shakil-hameed-0>

Petikan di atas menjelaskan peranan belia di negara kita menjadi teras dan kekuatan dalam menghadapi arus globalisasi. Seorang sahabat pena ingin mengetahui cara-cara membentuk jati diri pelajar yang kukuh.

Tulis surat anda selengkapnya.

3.

Dalam usaha ke arah mewujudkan negara yang kuat, teguh dan makmur, pengalaman sejarah Malaysia wajar diketahui dan diambil teladan.

Sumber : *Buku Teks Tingkatan 4, 2019*

( Profesor Emeritus Datuk Dr. Abdullah Zakaria bin Ghazali, Pensyarah.)

Sejarah adalah penemuan, pengumpulan, pengurusan, dan persembahan maklumat terhadap peristiwa silam atau lampau. Sejarah juga bermaksud tempoh masa yang lalu selepas catatan penulisan telah dicipta.

Nyatakan faedah-faedah mempelajari mata pelajaran Sejarah kepada generasi muda.

4.

Saban hari, tugas dan peranan Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) dilihat semakin meluas serta mencabar yang memerlukan anggotanya sentiasa bersiap sedia untuk menempuh apa-apa jua halangan yang mendatang.

Sumber: *Akhbar Sinar Harian, 02 Januari 2021*

Pada pendapat anda, apakah peranan-peranan yang boleh dilakukan oleh anggota penyelamat dalam menjaga keselamatan awam?



KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK

**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2022**

**BAHASA MELAYU**

**Kertas 1**

2 jam

**1103/1**

## **SET 4**

---

13. Kertas peperiksaan ini mengandungi **dua** bahagian : **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
14. Jawapan hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan.
15. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.
16. **Buku jawapan** hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi 4 halaman bercetak.

**BAHAGIAN A**  
**[ 30 Markah ]**

*Soalan ini mesti dijawab.*

Maklumat di bawah berkaitan dengan **alam sekitar**.

Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang kesan dan langkah menjaga kebersihan alam sekitar.

Panjang huraian anda hendaklah antara **150 hingga 200** patah perkataan.

<p><b>Sajak Alam Sekitar</b></p> <p>Alam, Keindahanmu semakin menghilang, Ini adalah perbuatan manusia yang tamak, Tumbuh-tumbuhan semakin layu, Binatang semakin pupus.</p> <p>Marilah kita semua, Menjaga alam ini, Kerana alam ini tidak ternilai</p> <p style="text-align: right; margin-top: 20px;">Sumber: Internet</p>	
---	--

**BAHAGIAN B**

[70 markah]

*Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan.*

*Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.*

1. Encik Hoo Kiew Meow, pengurus kolam udang harimau memaklumkan bahawa beliau bersama pekerja-pekerjanya menguruskan 12 buah kolam udang setiap hari. Seterusnya, beliau memasarkan udang harimau tersebut bukan sahaja untuk keperluan tempatan, malahan turut mengeksportnya ke luar negara seperti Korea, Singapura dan China. Biasanya, udang harimau dipasarkan dalam bentuk bungkusan dingin beku dan segar.

Sumber: *Buku Teks Tingkatan 4, 2019*

Bidang pertanian semakin mendapat sambutan dalam kalangan belia di Malaysia pada hari ini kerana menghasilkan pulangan yang lumayan. Sehubungan dengan itu, anda dikehendaki menulis sebuah rencana bagi menggalakkan penyertaan anak muda dalam bidang pertanian ini.

Tajuk rencana tersebut ialah ‘Langkah-langkah Menggalakkan Anak Muda Menceburi Bidang Pertanian’.

Tulis rencana tersebut selengkapnya.

2. Perindustrian Kecil dan Sederhana (PKS) berpotensi memberikan sumbangan yang besar kepada ekonomi negara. PKS juga boleh menyediakan asas-asas yang kukuh untuk menandakan pertumbuhan industri baharu di samping mengukuhkan industri sedia ada. Namun begitu, PKS juga menghadapi pelbagai isu. Antara isu utama yang dihadapi oleh PKS termasuklah isu pemasaran produk

Sumber: *Buku Teks Tingkatan 5*

Huraikan beberapa cara yang boleh anda lakukan untuk meningkatkan pemasaran produk PKS yang anda usahakan.

3.

Dalam kesibukan negara kita memfokuskan kepada pembangunan sains, teknologi dan perindustrian, tanpa disedari nilai-nilai integriti telah dipandang sepi dan dilihat tidak mempunyai tempat dalam usaha pembangunan modal insan. Melihat kepada timbulnya kes yang melibatkan rasuah yang semakin tinggi tanpa mengira pangkat dan darjat, sudah sampai masanya kita memandang ke bawah dan melihat kembali di manakah kesilapan dalam mendidik generasi yang bakal mewarisi pemerintahan dan pembangunan negara sebelum ini.

Sumber: Internet

Petikan di atas menyatakan kepentingan pendidikan dalam memupuk nilai-nilai integriti dan usaha memerangi jenayah rasuah.

Bincangkan inisiatif yang boleh dilakukan di peringkat sekolah untuk membina nilai-nilai integriti dalam kalangan murid.

4.

Nama seperti Datuk Lee Chong Wei, Datuk Nicol Ann David, Azizul Hasni Awang dan Rashid Sidek antara ikon besar sukan di Malaysia. Mereka mencipta nama menerusi bakat dan minat yang mendalam melalui sukan diceburi. Hasilnya, mereka menjadikan sukan sebagai punca pendapatan dan memberikan fokus sepenuh masa sebagai kerjaya.

Sumber: Oleh Faizal Jalal - Februari 24, 2016  
[bhrencana@bh.com.my](mailto:bhrencana@bh.com.my)

Petikan di atas mengulas tentang tokoh sukan negara yang menjadi ikon di Malaysia kepada para remaja. Berdasarkan petikan di atas, anda telah mengetahui serba sedikit maklumat mengenai kerjaya dalam bidang sukan.

Huraikan usaha-usaha yang akan anda lakukan supaya minat anda dalam kerjaya tersebut menjadi kenyataan.



# SKEMA JAWAPAN

## SET 1

### BAHAGIAN A

**Tema** : Pelancongan

**Format** : tiada

**Idea bahan 1** : Tempat-tempat menarik di Malaysia (Pulau Pinang, Kelantan dll)

**Idea bahan 2** :

- bangunan bersejarah
- bangunan pencakar langit
- mengenali Malaysia dengan lebih dekat
- meningkatkan ekonomi negara

### BAHAGIAN B

#### SOALAN 1 - DOMAIN PERIBADI

**Kehendak Tugasan:**

**Format** : Tiada

Murid perlu menghuraikan amalan-amalan yang perlu dilakukan untuk menjaga kesihatan diri.

**Cadangan isi/idea**

- mengamalkan pemakanan seimbang/ mengandungi nutrien/berkhasiat
- melakukan aktiviti riadah/bersukan/bersenam
- menjaga kesihatan diri dan kebersihan persekitaran
- kerap menjalani pemeriksaan kesihatan - mengetahui tahap kesihatan
- menjalin hubungan yang baik dengan orang sekeliling- kesihatan mental
- menjauhi tabiat buruk - merokok/pengambilan alkohol/penagihan dadah
- tidur dan rehat yang cukup - mengelakkan mengantuk/tubuh menjadi lesu

**SOALAN 2 - DOMAIN PENDIDIKAN****Kehendak Tugasan:**

Murid perlu menulis tentang usaha-usaha yang perlu dilakukan oleh murid untuk menguasai ilmu pengetahuan

**Format :** Tiada

**Cadangan isi/idea:**

- fokus di dalam kelas
- membuat latihan tubi secara konsisten
- belajar secara berkumpulan
- menyiapkan semua latihan yang diberi oleh guru
- menghadiri kelas tambahan
- rajin membaca pelbagai bahan bacaan

**SOALAN 3 - DOMAIN KERJAYA**

Murid perlu menulis tentang kesan-kesan perkembangan kerjaya dalam bidang animasi tempatan kepada masyarakat dan negara

**Format :** Tiada

**Cadangan idea :**

- peluang kerjaya
- melahirkan anak-anak muda yang kreatif dan kritis
- melahirkan generasi muda yang berdaya saing pada peringkat global
- meningkatkan ekonomi negara
- meningkatkan imej negara
- memperkenalkan budaya tempatan pada peringkat antarabangsa

**SOALAN 4 - DOMAIN AWAM****Kehendak Tugasan:**

Murid perlu menulis tentang langkah-langkah untuk memupuk semangat kejiwaan dalam kalangan masyarakat

**Format :** Syarahan

**Cadangan isi/idea:**

- Kerajaan/PBT – Membina pusat sehenti ( balai raya ) untuk masyarakat setempat mengadakan aktiviti kemasyarakatan.
- Media massa- Menyiarkan iklan, dokumentari, filem atau drama berkisar tentang semangat kejiwaan.
- Ketua kampung/ taman – mengadakan aktiviti gotong-royong, hari keluarga, Rukun Tetangga
- Masyarakat- melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan secara aktif
- Ibu bapa- menjadi suri teladan kepada anak-anak

# SKEMA JAWAPAN

## SET 2

### BAHAGIAN A

Dalam mendepani era teknologi maklumat yang semakin mencabar ini, isu yang berkaitan dengan jenayah komersial sering menjadi buah mulut masyarakat dan acap kali diuar-uarkan oleh pihak media massa melalui siaran berita di kaca-kaca televisyen ataupun di dada-dada akhbar tempatan. (Idea sendiri)

Berdasarkan statistik jenayah komersial yang dikeluarkan oleh pihak Polis Diraja Malaysia, sebanyak 9125 kes telah dilaporkan yang melibatkan sebanyak RM717.2 juta bagi tempoh 1 Jan hingga 28 April. Kes jenayah yang melibatkan penipuan dalam talian telah mencatatkan bilangan yang paling tinggi iaitu sebanyak 8245 kes. (Bahan 2)

Statistik tersebut juga turut menunjukkan bahawa kes pecah amanah dan pinjaman wang haram juga sering dilakukan oleh penjenayah. Sebagai buktinya, kes pecah amanah telah mencatatkan 428 kes manakala pinjaman wang haram pula sebanyak 292 kes. (Bahan 2)

Pihak polis menasihati orang ramai agar sentiasa berhati-hati dan tidak mudah terpengaruh dengan sindiket tersebut kerana jenayah yang dilakukan oleh mereka adalah sangat licik dan hanya bermotifkan keuntungan semata-mata. Modus operandi yang dijalankan oleh kumpulan penjenayah ini sememangnya amat sukar untuk dikesan. (Idea sendiri)

Kesimpulannya, semua pihak perlu menggembleng tenaga dan usaha serta bekerjasama antara satu sama lain bagai aur dengan tebing untuk membebaskan negara kita daripada jenayah komersial ini supaya masyarakat dapat hidup dalam suasana yang aman dan harmoni bak kata pantun di bawah. (Bahan 1)

(196 patah perkataan )

## **Bahagian B**

### **SOALAN 1**

#### **Pendahuluan**

Pada era langit langit terbuka yang semakin canggih dan mencabar ini, kita sering dikejutkan dengan pelbagai kes penipuan siber yang berlaku dalam kalangan masyarakat. Ramai orang yang telah menjadi mangsa kepada penjenayah licik ini termasuklah golongan profesional.

**Cadangan isi** – Usaha-usaha yang boleh kita lakukan untuk menangani jenayah siber.

- Pihak berkuasa mestilah mengenakan hukuman yang berat kepada penjenayah siber.
- Pihak Kementerian Komunikasi dan Multimedia ( MCMC ) perlulah menyekat laman-laman sesawang yang mencurigakan.
- Pihak media massa hendaklah sentiasa menguar-uarkan kesan buruk jenayah siber kepada orang ramai melalui siaran berita di televisyen atau hebahan di radio.
- Pihak masyarakat haruslah sentiasa peka atau cakna akan pelbagai helah penjenayah siber.
- Orang ramai haruslah melaporkan kes jenayah siber kepada pihak polis dengan segera jika berasa ditipu.
- Pihak ibu bapa hendaklah menerangkan kesan buruk jenayah siber kepada anak-anak dari semasa ke semasa.
- Pihak sekolah boleh menerangkan kepentingan mengelakkan diri daripada terjebak dalam kancas jenayah siber melalui pengajaran guru mata pelajaran Pendidikan Islam. Pendidikan Moral dan Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan.

#### **Kesimpulan**

Masyarakat perlu lebih berhati-hati agar tidak menjadi mangsa penipuan jenayah siber. Semua pihak perlu memainkan peranan masing-masing bagi membanteras gejala negatif daripada terus membarah dalam kalangan masyarakat. Sesungguhnya, mencegah lebih baik daripada mengubati.

- Terima mana-mana isi lain yang relevan dengan kehendak soalan.

## SOALAN 2

### Pendahuluan

Alam sekitar merupakan anugerah terindah ciptaan Allah yang amat bernilai dan perlu kita jaga dengan sebaik-baiknya. Namun begitu, pencemaran Sungai Kim Kim yang berlaku di negeri Johor baru-baru ini telah membuka mata banyak pihak tentang kepentingan memelihara dan memulihara alam sekitar.

**Cadangan isi** – Usaha-usaha untuk melestarikan alam sekitar.

- Pihak kerajaan haruslah menguatkuasakan undang-undang dan mengenakan denda atau kompaun yang tinggi kepada penjenayah alam sekitar.
- Pihak ibu bapa haruslah mendidik anak-anak dari kecil tentang kepentingan memelihara alam sekitar.
- Pihak Jabatan Alam Sekitar ( JAS ) haruslah membuat pemantauan dengan lebih kerap.
- Pihak masyarakat boleh mengadakan aktiviti gotong-royong perdana di kawasan perumahan masing-masing.
- Pihak sekolah boleh menerapkan pendidikan alam sekitar melalui penubuhan Kelab Alam Sekitar di sekolah.
- Pihak kerajaan boleh mengadakan pelbagai kempen kesedaran tentang kepentingan menjaga alam sekitar.
- Pihak media massa boleh menguar-uarkan kepentingan menjaga alam sekitar melalui surat khabar atau pelbagai rancangan dokumentari di televisyen.
- Pihak kerajaan perlu menambah baik Kempen Kitar Semula yang telah diadakan sebelum ini supaya menjadi lebih efektif.

### Kesimpulan

Pencemaran alam sekitar perlu ditangani dengan segera oleh semua pihak sebelum nasi menjadi bubur agar keindahan alam semula jadi di negara kita dapat dipelihara dan dilestarikan sepanjang masa.

Format menulis karangan jenis rencana.

- Mesti tulis tajuk rencana dan nama penulis.
- Terima mana-mana isi lain yang relevan dengan kehendak soalan.

### SOALAN 3

#### Pendahuluan

Pada era milenium ini, minat golongan remaja terhadap karya sastera semakin pudar. Hal ini berlaku demikian kerana mereka dikatakan lebih meminati karya-karya seni moden yang dikatakan lebih sesuai dengan jiwa dan gaya hidup mereka.

**Cadangan isi** – Langkah-langkah yang boleh dilakukan oleh pelbagai pihak bagi memupuk minat golongan remaja terhadap karya sastera.

1. Pihak ibu bapa boleh membeli pelbagai jenis bahan bacaan berunsurkan sastera kepada anak-anak.
2. Pihak sekolah boleh menawarkan subjek Kesusasteraan Melayu di sekolah masing-masing.
3. Pihak Dewan Bahasa dan Pustaka ( DBP ) boleh menganjurkan seminar atau bengkel penghasilan karya sastera secara percuma kepada golongan remaja.
4. Pihak kerajaan boleh mengadakan pelbagai pertandingan seperti pertandingan Sayembara Puisi peringkat kebangsaan atau Pesta Pantun.
5. Pihak media massa boleh menguar-uarkan kepentingan mempelajari karya sastera melalui Facebook, Instagram, Twitter dan lain-lain lagi.
6. Sasterawan Negara perlu turun ke sekolah-sekolah atau institusi pengajian tinggi bagi mempromosikan karya sastera mereka kepada golongan remaja.
7. Penerbit buku harus menerbitkan karya sastera dengan lebih banyak bagi memupuk minat golongan remaja terhadap karya agung tersebut.
8. Ibu bapa hendaklah membelikan anak-anak mereka bahan bacaan berunsurkan sastera seperti koleksi pantun, antologi sajak, gurindam, buku-buku hikayat dan sebagainya lagi.

#### Kesimpulan

Semua pihak perlu berganding bahu dan saling bekerjasama antara satu sama lain bagi aur dengan tebing bagi memupuk minat golongan remaja terhadap karya sastera agar tidak terus tenggelam dan pupus ditelan arus kemodenan. Bahasa Bugar, Sastera Kekar, Budaya Mekar.

Terima mana-mana isi lain yang relevan dengan kehendak soalan.

## SOALAN 4

### Pendahuluan

Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional ( TVET ) merupakan salah satu bidang pendidikan yang kurang diminati oleh para pelajar di negara ini. Hal ini terjadi demikian kerana mereka beranggapan bahawa bidang tersebut tidak menjanjikan peluang pekerjaan yang hebat dan bergaji lumayan seperti doktor, peguam atau guru.

### Cadangan isi – Kepentingan mempelajari bidang TVET.

- Pelajar akan menjadi tenaga kerja yang berkemahiran tinggi.
- Pelajar boleh mencipta peluang pekerjaan sendiri.
- Pelajar diberikan peluang untuk menggunakan pelbagai peralatan berteknologi tinggi semasa sesi pembelajaran.
- Pelajar berpeluang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.
- Pelajar akan ditawarkan dengan gaji yang lumayan oleh pihak majikan kerana mempunyai kemahiran yang tinggi.
- Pelajar akan mudah mendapat pekerjaan kerana mempunyai kemahiran dan pengalaman yang luas dalam sesuatu bidang kerjaya.

### Kesimpulan

Pemeriksaan bidang TVET dalam kalangan pelajar merupakan langkah yang sangat efektif bagi menangani masalah pengangguran yang semakin meningkat di negara kita. Sesungguhnya, Pendidikan Berkualiti, Insan Terdidik, Negara Sejahtera.

- Terima mana-mana isi lain yang relevan dengan kehendak soalan.

# SKEMA JAWAPAN

## SET 3

### BAHAGIAN A

#### **Arahan soalan**

Maklumat di bawah berkaitan dengan keracunan makanan.

Huraikan pendapat anda tentang keracunan makanan.

Panjangnya huraian hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

#### **Pendahuluan**

- definisi keracunan makanan.
- Gejala-gejala keracunan makanan.

#### **Cadangan isi**

- Masyarakat perlu menjaga kebersihan.
- Masyarakat perlulah sentiasa menutup juadah yang dihidangkan.
- Masyarakat perlu mengamalkan konsep lihat, hidu dan rasa.

#### **Kesimpulan**

Peribahasa : jangan sudah terhantuk baru terngadah.

Kerjasama semua pihak untuk mengurangkan kes keracunan makanan.

– berat sama dipikul , ringan sama dijinjing.



## BAHAGIAN B

### Arahan soalan

Pilih satu daripada soalan-soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

### Soalan 1 - Domain Awam

Tatkala terasa ingin keluar daripada hiruk-pikuk kota, bayangkan suasana damai di pinggir hutan. Bayangkan juga kesejukan dan kenyamanan udara gunung serta deruan jeram yang menjadi terapi minda yang kepenatan setelah bertungkus-lumus mencari rezeki.

Sumber Buku Teks Tingkatan 4, 2019

Berdasarkan petikan di atas, masyarakat Malaysia mengimpikan suatu percutian keluarga yang berkonsepkan pelestarian alam sekitar yang mendatangkan pelbagai manfaat.

Huraikan manfaat-manfaat melancong dalam negara.

### Pendahuluan

- Definisi pelancongan
- Jenis-jenis pelancongan

### Cadangan isi

1. Menambahkan ilmu pengetahuan
2. Menambahkan pengalaman / meluaskan horizon pemikiran
3. Menghilangkan stress / menenangkan minda/ berehat
4. Mengeratkan hubungan silatullahim antara ahli keluarga dan rakan-rakan.
5. Menjana ekonomi negara
6. Meningkatkan tahap kesihatan dan kecergasan fizikal / dapat melakukan pelbagai aktiviti fizikal seperti berjalan kaki, berbasikal, berenang dan mendaki.
7. Mengembalikan tenaga dan semangat/ menikmati keindahan alam dan udara segar/menjadikan mental dan emosi lebih positif dan ceria.

### Kesimpulan

Peribahasa yang boleh dimasukkan

# Jauh perjalanan luas pemandangan

# Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri

# Lebih menghargai dan mencintai negara sendiri.

## Soalan 2 – Domain Peribadi

Tema Sambutan Hari Belia Negara 2020, 'Dekad Ini Dekad Anda' , dilihat sangat signifikan dan cukup simbolik untuk menggambarkan peranan besar yang perlu dimainkan golongan belia dalam membangunkan rakyat dan negara. Jelas sekali, dekad orang muda dan negara juga meletakkan harapan yang tinggi kepada golongan ini. Justeru, bagi memikul tanggungjawab ini,. Saya percaya golongan belia negara kita perlu memiliki beberapa ciri yang boleh membantu mereka memainkan peranan yang dihasratkan oleh semua pihak.

Sumber Metro <https://www.hmetro.com.my/authors/noor-mohamad-shakil-hameed-0>

Petikan di atas menjelaskan peranan belia di negara kita menjadi teras dan kekuatan dalam menghadapi arus globalisasi. Seorang sahabat pena mahu anda memberitahu cara-cara membentuk jati diri pelajar yang kukuh.

Tulis sepucuk surat anda kepada rakan anda selengkapnya.

### **Pendahuluan**

- Definisi jati diri
- Peribahasa yang sesuai ( ungkapan yang menarik )

### **Isi**

- Ibu bapa menjadi tauladan terbaik kepada anak-anak.
- Pelajar membudayakan nilai-nilai murni
- Guru memainkan peranan dalam memastkan pelajar peraturan di sekolah dan di institusi Pendidikan tinggi.
- Semua pihak main peranan menerapkan didikan agama dan moral dalam kalangan pelajar.

### **Penutup**

- Harapan pembentukan jati diri adalah penting untuk agama, keluarga, masyarakat dan negara

Karangan ini jenis berformat ( Surat Kiriman Tidak Rasmi )

Karangan tidak melebihi 500 patah perkataan dan kurang 350 patah perkataan

### Soalan 3 - Domain Pendidikan

Dalam usaha ke arah mewujudkan negara yang kuat, teguh dan Makmur, pengalaman sejarah Malaysia wajar diketahui dan diambil teladan .

Sumber Buku Teks Tingkatan 4, 2019

( Profesor Emeritus Datuk Dr. Abdullah Zakaria bin Ghazali, Pensyarah.)

Sejarah adalah penemuan, pengumpulan, pengurusan dan persembahan maklumat terhadap peristiwa silam atau lampau. Sejarah juga bermaksud tempoh masa yang lalu selepas catatan penulisan telah dicipta.

Nyatakan faedah-faedah mempelajari mata pelajaran Sejarah kepada generasi muda.

#### Pendahuluan

- Definisi jati diri
- Peribahasa yang sesuai ( ungkapan yang menarik )

#### Isi

- Memupuk semangat patriotik
- Menyemai perpaduan antara kaum
- Menghargai budaya dan warisan negara
- Memelihara kedaulatan negara.
- Menjadi pengajaran kepada generasi kini tentang musuh

#### Penutup

- Harapan
- Karangan tidak melebihi 500 patah perkataan dan kurang 350 patah perkataan

#### Soalan 4 - Domain Kerjaya

Saban hari, tugas dan peranan Jabatan bomba dan Penyelamat (JBPM) dilihat semakin meluas serta mencabar yang memerlukan anggotanya sentiasa bersedia sedia untuk menempuh apa jua halangan yang mendatang.

Sumber, Akhbar Sinar Harian, 02 Januari 2021

Pada pendapat anda, apakah peranan-peranan yang boleh dilakukan oleh anggota penyelamat dalam menjaga keselamatan awam.

**Pendahuluan** – Pengenalan anggota penyelamat – Bomba & APMM dan sebagainya

#### Cadangan isi

- i. Membantu agensi kerajaan dan swasta dalam menjalankan kawad kebakaran
- ii. Memastikan sesebuah bangunan mempunyai ciri-ciri keselamatan.
- iii. Menjalankan operasi penyelamatan di pelbagai tempat dan keadaan.
- iv. Mengeluarkan mangsa kemalangan daripada kenderaan.
- v. Menyelamatkan mangsaruntuhan bangunan.
- vi. Mencari dan menyelamatkan mangsa lemas/menangkap ular /menyelamatkan kucing/mengeluarkan kanak-kanak yang terperangkap pada jeriji besi.
- vii. Memadam, melawan, mencegah dan mengawal api.
- viii. Menyiasat tentang sebab, punca dan keadaan kebakaran.
- ix. Memberi nasihat mengenai langkah-langkah perlindungan kebakaran dan bahaya kebakaran.
- x. Melaksanakan perkhidmatan kemanusiaan seperti melindungi nyawa dan harta benda dalam sebarang bencana.
- xi. Menyediakan perkhidmatan kecemasan dan khidmat bantuan kemanusiaan di seluruh negara.
- xii. Mengenal pasti dan mengkaji ancaman serta mengawal risiko yang boleh memberi impak terhadap keselamatan rakyat dan negara.

#### Kesimpulan – Cadangan

Peribahasa yang boleh digunakan

- Mencegah lebih baik daripada mengubati
- Bahaya ada di mana-mana
- Terima mana-mana idea yang relevan dengan tema

# SKEMA JAWAPAN

## SET 4

### BAHAGIAN A

#### **Kesan Alam Sekitar**

- Kesan kepada kesihatan manusia, tumbuhan dan haiwan (kemusnahan hidupan akuatik)
- Kesan kepada kualiti air/ sistem air bawah tanah tercemar
- Menjejaskan keindahan alam sekitar
- Banjir
- Penipisan lapisan ozon
- Hujan asid
- Kesan rumah hijau dan pemanasan global
- Kesan kepada atmosfera

#### **Cara Atasi**

- Hari Alam Sekitar Negara 2019 Negeri Selangor: Enviro-Amazing Race, Cabutan Bertuah,
- Peraduan Pengumpulan E-waste, Pertandingan Mewarna, Senamrobik & Zumba
- Menghijaukan kawasan
- Penggunaan Petrol tanpa plumbum
- Program kitar semula
- Tindakan undang-undang-melarang sesiapa daripada melakukan kegiatan yang boleh mencemarkan sungai
- Memperkenalkan pendidikan alam sekitar
- Penubuhan sebuah yayasan atau kelab pencinta alam sungai perlu dimulakan
- Mewajibkan sistem pembedung air buangan dan loji pelepasan bahan sisa-sisa bersepadu

## BAHAGIAN B

### Soalan 1:

#### Langkah-langkah menggalakkan anak menceburi bidang pertanian

##### Format : rencana

- Tajuk
- Nama penulis

##### Cadangan isi:

- kerajaan mengadakan skim latihan kepada golongan muda
- mengadakan pelbagai pameran pertanian
- memberikan khidmat nasihat kepada usahawan muda
- galakan oleh ibu bapa supaya anak-anak menceburi bidang pertanian
- memberikan bantuan modal kepada anak muda yang ingin memulakan sesuatu projek pertanian.

### Soalan 2: Cara-cara untuk meningkatkan pemasaran dalam industri makanan yang diusahakan.

##### Cadangan isi:

- Pembungkusan produk yang ditawarkan menarik minat pelanggan.
- Cara hendak memberitahu pelanggan tentang produk makanan yang dihasilkan.
- Persaingan produk dengan pengusaha lain.
- Memastikan produk yang dihasilkan berkualiti.
- Keistimewaan produk berbanding orang lain.

### Soalan 3: Inisiatif yang boleh dilakukan di peringkat sekolah untuk membina nilai-nilai integriti dalam kalangan murid

##### Cadangan isi:

- Guru perlu memantapkan penerapan nilai-nilai integriti dalam proses pembelajaran dalam bilik darjah melalui Elemen Merentas Kurikulum dalam semua mata pelajaran.
- Guru melaksanakan aktiviti kokurikulum secara berkesan dengan mengambil kira aspek nilai-nilai murni dalam setiap aktiviti yang dijalankan.

- Pentadbir serta warga sekolah mewujudkan persekitaran dan budaya sekolah yang sarat dengan nilai-nilai murni.
- Guru dan warga pendidik perlu menjadi model dalam menerapkan nilai-nilai murni.
- Kaunselor melalui Unit Bimbingan dan Kaunseling perlu merangka dan memperkaya program mereka yang mengandungi elemen nilai-nilai integriti.

**Soalan 4: Usaha-usaha yang anda akan lakukan supaya minat terhadap kerjaya tersebut menjadi kenyataan.**

**Cadangan isi:**

- Saya akan berlatih bersungguh-sungguh untuk mencapai kerjaya yang diminati.
- Saya akan menyediakan peralatan secukupnya untuk memudahkan saya berlatih dan menyesuaikan diri.
- Menjaga kesihatan dan pemakanan yang seimbang.
- Saya akan sentiasa mendengar nasihat dan pandangan ibu bapa kerana Tuhan akan menolong dan memberkat hidup anak yang taat kepada ibu bapa.
- Berjumpa dengan guru bimbingan dalam bidang sukan yang diminati untuk belajar dan menyertai pertandingan yang diadakan.



### Hak Cipta Terpelihara.

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana - mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan modul ini dalam apa juga bentuk dan cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Jabatan Pendidikan Negeri Perak.

Penerbit :  
©Sektor Pembelajaran,  
Jabatan Pendidikan Negeri Perak  
Jalan Tawas Baru Utara, Tasek Damai,  
30010, Ipoh, Perak Darul Ridzuan  
Tel: 05-292 2745 / 05- 292 3603  
Faks : 05 – 292 3851  
2022

---

